



KETUA PENGARAH

UNIT PEMODENAN TADBIRAN DAN PERANCANGAN
PENGURUSAN MALAYSIA (MAMPU)
ARAS 6, BLOK B2
KOMPLEKS JABATAN PERDANA MENTERI
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62502 PUTRAJAYA

MAMPU

Telefon : 03-88882311
Faks : 03-88883163
KAWAT : PERDANA
Email : normah@mampu.gov.my

UPTM 159/526/9 Jld. 4 (59)

1 Jun 2007

NO. SIRI: 126723
14 JUN 2007
Pejabat Ketua Setiausaha



- Semua Ketua Setiausaha Kementerian
- Semua Ketua Jabatan Persekutuan
- Semua Ketua Pengurusan Badan Berkanun Persekutuan
- Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
- Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan

SUB(BTM)


*Ederlia lpd
semua berapan.
Cikr juga lalan
dimasukkan dalam
Webpage Kem.*

ICM
J. KETUA SETIAUSAHA 14/6/07
KEMENTERIAN PERTANIAN


**LANGKAH-LANGKAH MENGENAI PENGGUNAAN MELALUI MEL
ELEKTRONIK DI AGENSI-AGENSI KERAJAAN**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana semua sedia maklum, mel elektronik atau e-mel membolehkan pengguna berkomunikasi antara satu dengan lain dalam bentuk mesej elektronik. Kaedah ini digunakan secara meluas dan membenarkan komunikasi lebih dari dua hala dengan pantas.



PENGUKTIRAFAN MS ISO 9001:2000
NO. SIJIL: KLR.0500331



3. Ketua Jabatan dan pegawai-pegawai di semua peringkat dalam agensi Kerajaan hendaklah:

- a) memastikan e-mel digunakan **secara meluas** dalam urusan pentadbiran harian;
- b) **respon ke atas e-mel dengan cepat** dan mengambil **tindakan segera**;
- c) menggunakan **e-mel rasmi yang didaftarkan** di bawah agensi Kerajaan;
- d) memastikan domain e-mel rasmi menggunakan **naming convention** yang melambangkan agensi Kerajaan dan diterima pakai di peringkat antarabangsa seperti "gov.my" dan "edu.my";
- e) menggunakan **alamat e-mel yang diperuntukan oleh Jabatan sahaja** bagi tujuan rasmi; dan
- f) memastikan **alamat e-mel persendirian** (seperti yahoo.com, gmail.com, streamyx.com.my dan sebagainya) tidak boleh digunakan untuk tujuan rasmi.

4. Agensi juga diminta melaksana dan memantau perkhidmatan sistem e-mel agar berfungsi dengan lancar untuk menghantar dan menerima e-mel dengan sempurna. Sekiranya sistem e-mel gagal berfungsi, perhubungan hanya dibenarkan melalui **saluran rasmi seperti surat, faks atau pun telefon**.

5. Maklumat lanjut mengenai penggunaan e-mel juga dijelaskan dalam Garis Panduan bertajuk "**Malaysian Public Sector Management**


of Information and Communications Technology Security Handbook (MyMIS)” bertarikh 15 Januari 2002 dan Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 1 Tahun 2003 bertajuk “Garis Panduan Mengenai Tatacara Penggunaan Internet dan Mel Elektronik di Agensi-agensi Kerajaan” yang boleh diperolehi dari laman web MAMPU, www.mampu.gov.my.

6. Semua Ketua Jabatan diminta mengambil tindakan dan langkah-langkah di atas serta peruntukan-peruntukan yang termaktub dalam garis panduan-garis panduan tersebut dipatuhi, dilaksanakan dan dipantau sepenuhnya dengan berkesan.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menurut perintah,



(DATO' NORMAH BINTI MD. YUSOF)

s.k.:

Ketua Setiausaha Negara